

22 JAN 1997

Sanusi-Tanah

KELEWATAN PENYERAHAN PUNCA TANAH HUTAN SIMPAN DIKATAKAN "HILANG"

ALOR SETAR, 22 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid hari ini menjelaskan bahawa kelewatan dalam memproses dan kekeliruan yang timbul dalam kominukasi antara jabatan menyebabkan sebahagian tanah yang akan diwartakan sebagai kawasan hutan simpan tambahan dikatakan "hilang".

Sebenarnya, sebahagian daripada tanah-tanah itu sudah pun diserahkan kepada Jabatan Perhutanan dan sebahagian yang lain masih dimiliki kerajaan negeri dan sedang dalam proses diwartakan.

"Kekeliruan itu berlaku akibat kelewatan pentadbiran. Sebenarnya, semuanya ada dan dalam proses untuk diwarta dan diserahkan kepada Jabatan Perhutanan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat minggu Exco Kerajaan Negeri, di Wisma Darul Aman, di sini.

Baru-baru ini, sebuah harian tempatan melaporkan mengenai "kehilangan" tanah-tanah itu.

Berikutan laporan itu, Sanusi telah mengarahkan Jabatan Tanah dan Galian menyiasat dakwaan itu selain menyemak semula keputusan-keputusan berhubung dengan tanah.

Hari ini, Sanusi berkata daripada rekod yang ada kira-kira 36,000 hektar tanah telah dikenal pasti untuk diwartakan sebagai kawasan hutan simpan tambahan dan sebahagian daripada keluasan itu telah pun diserahkan kepada Jabatan Perhutanan.

Tanah-tanah itu terletak dalam daerah Padang Terap, Kubang Pasu dan Sik.

Mengenai mesyuarat Exco, Sanusi berkata kerajaan negeri hari ini membuat keputusan untuk menerima saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya satu perkhidmatan keretapi laju antara Bukit Kayu Hitam dan Seberang Perai dilaksanakan bagi memudahkan perjalanan pekerja dan orang ramai.

Dr Mahathir mengemukakan cadangan itu ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di sini 9 Jan lepas.

Sanusi berkata perkhidmatan itu bukan sahaja dapat memudahkan pergerakan orang ramai, malahan boleh merangsang kegiatan ekonomi di bandar-bandar kecil berhampiran dengan landasan keretapi itu.

"Penduduk yang tinggal di tepi landasan dan pekan kecil yang dilalui perkhidmatan itu, khususnya di tempat yang strategik, boleh merancang pembangunan tempat tinggal seperti asrama dan rumah bagi para pekerja kilang.

Mesyuarat hari itu turut membuat keputusan untuk membenarkan tanah-tanah perkuburan lama masyarakat Cina dan India yang terletak di tengah bandar Alor Setar diserahkan kepada persatuan-persatuan masyarakat itu untuk dibangunkan sebagai pusat kegiatan ekonomi.

Kubur-kubur lama akan dipindahkan ke tanah perkuburan baru dan kawasan itu boleh digunakan untuk mendirikan kompleks perniagaan, katanya. -- LAGI

Menurut beliau, keputusan itu dibuat berikutan cadangan yang dikemukakan oleh persatuan-persatuan masyarakat Cina dan India.

Selain itu, kerajaan negeri membuat keputusan untuk menjemput pelabur yang berminat untuk membangunkan kawasan Tasik Putat di Jitra, berhampiran Lebuhraya Utara Selatan, sebagai sebuah kawasan taman tema dan pusat makanan.

Projek itu dapat menarik pengunjung dari Thailand dan negeri jiran Pulau Pinang selain penduduk tempatan, katanya.

Mesyuarat itu juga meluluskan beberapa cadangan lain termasuk menubuhkan Persatuan Qari dan Qariah Kedah bagi membimbing remaja dalam pembacaan Al Quran, merangka program tersusun dalam memberi perhatian kepada hampir 5,000 anak yatim di seluruh negeri dan menubuhkan Pusat Bacaan Rakyat yang berkonsepkan perpustakaan mini di kampung-kampung negeri ini.

Kerajaan negeri turut membuat keputusan untuk memperkenalkan pertandingan bola sepak antara masjid bagi merebut Piala Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kedah yang membabitkan pelajar lelaki menyertai program mentelaah pelajaran di masjid-masjid sekarang.

Sanusi berkata beliau turut mengarahkan supaya papan tanda kawasan larangan bagi kawasan keselamatan, yang sering dipasang di bangunan kerajaan dan kawasan sekuriti di negeri ini diturunkan. -- BERNAMA

MFJ PR